

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9067

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Sabah dan Jabatan Pendaftaran Negara dalam mengesan kad pengenalan yang diberi secara haram kepada PATI Sabah dan menggantikannya dengan "Kad Pengenalan Sabah".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap isu pengeluaran kad pengenalan secara tidak teratur oleh sindiket dan orang yang tidak bertanggungjawab, sebagaimana yang dibangkitkan oleh saksi-saksi daripada kalangan ahli politik, penulis dan orang awam semasa prosiding Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui sebuah Jawatankuasa Khas Kad Pengenalan telah pun menjalankan siasatan terhadap kad-kad pengenalan yang terbabit. Semenjak Jawatankuasa tersebut ditubuhkan pada tahun 1999 dan sehingga kini, sebanyak 28,510 rekod telah dibatalkan dan tidak dikeluarkan dengan kad pengenalan baru.

Berhubung dengan cadangan pengeluaran Kad Pengenalan Sabah pula, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah dalam laporannya ada memberikan ulasan bahawa cadangan tersebut dilihat sebagai tidak mempunyai asas, di samping ketiadaan butir-butir tentang mekanisme yang terlibat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menangani perkara ini dengan penuh berhati-hati bagi memastikan tiada jualah ia menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah.